

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Pembayaran Dalam Talian Memudahkan Urusan Pelanggan
15. May 2008
Utusan Malaysia
Dalam Negeri
238082
833287

Language **MALAY**
Page No **25**
Article Size **1822** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Pembayaran dalam talian Memudahkan urusan pelanggan

PADA hari ini, boleh dikatakan hampir kesemua organisasi menawarkan perkhidmatan secara dalam talian sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pantas.

Perkhidmatan yang menggunakan Internet sebagai saluran penyampaian dalam talian telah lama dipopuli negara-negara maju di dunia. Dalam konteks ini, Malaysia tidak mahu ketinggalan dari segi persaingan globalisasi memandangkan ia memberi banyak manfaat kepada pengguna.

Tidak ketinggalan menawarkan perkhidmatan dalam talian ini ialah sektor awam yang suatu masa dahulu kaunternya sesak dan para pelanggan menunggu kerana terpaksa mengambil masa yang

lama untuk berurusan. Kini, senario demikian semakin terhalak apatah lagi sektor awam sudah menawarkan kaedah pembayaran elektronik (E-Pembayaran) seiring dengan perkembangan dan kemajuan teknologi.

Secara umumnya, E-Pembayaran melibatkan pembayaran secara dalam talian yang membolehkan para pelanggan berurusan melalui gerbang pembayaran kerajaan atau portal MyGovernment yang dibuat secara direct debit atau kad kredit.

Selain itu, perubatan Internet pula dilakukan secara atas talian melalui portal bank-bank tempatan dan dibuat secara direct debit atau kad kredit.

Bagi pembayaran di kaunter,

pelanggan perlu hadir untuk melaksanakan pembayaran termasuklah kaunter agensi, bank, Pejabat Pos, Kedai Telekom atau kios. Pembayaran dibuat secara kad kredit (MasterCard dan VISA), kad debit dan tunai.

Pembayaran menggunakan telefon mudah alih pula dibuat menerusi sistem khidmat pesanan ringkas (SMS). Bagaimanapun, kebanyakan agensi masih dalam peringkat mengkaji kesusuaian jenis pembayaran melalui saluran ini.

Sehingga 2 Mei 2008, terdapat 57 agensi yang menawarkan 90 perkhidmatan secara dalam talian melalui portal agensi masing-masing, portal MyGovernment dan portal bank-bank tempatan.



Senarai perkhidmatan pembayaran secara dalam talian

- Jabatan Pengangkutan Jalan**
 - Pembaharuan Lesen Pemanduan Kompeten (CDL)
 - Pembayaran saman
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia**
 - Pembelian Pelan Akui, Lembar Pawai dan Data Digital Kadekster
 - Pemohonan untuk pembelian fotografi udara/Orthophoto terhad
 - Pemohonan untuk pembelian data topografi terperinci
 - Pembelian data lands area dan stesen kawalan GPS
 - Pembelian data Real Time Kinematic (RTK)
 - Pemohonan Lesen Hekapita membeli/menyerahkan semula Data Ujur dan Pemetaan Bersegi
- Jabatan Insolvensi Malaysia**
 - Pembayaran maklumat dan caj perkhidmatan dalam sistem E-Insolvensi
- Jabatan Perkhidmatan Awam**
 - Bayaran pinjaman dan ganti rugi
- Jabatan Pengairan dan Saliran**
 - Jualan tender dan sebut harga
- Jabatan Perangkaan**
 - Jualan buku dan data
- Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**
 - Pengeluaran sijil kewarganegaraan selesat
- Jabatan Penerbangan Awam**
 - Bayaran membatalkan lesen junterbang
 - Bayaran yuran perpelesen juruterbang
- Jabatan Imigresen**
 - Pelbagai bayaran hukuman
- Jabatan Perkhidmatan Haluan**
 - Pendaftaran Pembaharuan Lesen Amalan Tahunan Doktor Veterinar
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian**
 - Sewaan pelbagai tanah
 - Sewaan bangunan pejabat termasuk institusi pelajaran dan institusi penyelidikan
 - Sewaan bangunan-bangunan lain
- Bahagian Pengurusan Harta JPJ**
 - Pembayaran sewa rumah penginapan atau rumah perniagaan
- Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi**
 - Yuran proses jualan dan pendaftaran (kumpulan hasil)
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan**
 - Pembayaran zakat
- Pusat Zakat Selangor**
 - Pembayaran zakat
- Istana Budaya**
 - Pembelian tiket persembahan
- Pejabat Tanah dan Galian WP Kuala Lumpur**
 - Pembayaran cukai tanah
- Pejabat Tanah dan Galian WP Putrajaya**
 - Cukai tanah
 - Sewaan dan pajakan tanah
- Kementerian Pelajaran**
 - Pembayaran pinjaman pelajaran
- Kementerian Kowangan**
 - Pori bayaran proses permohonan kelonggaran/pembaharuan kelonggaran agan cukai
- Bahagian Skim Pinjaman Penumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
 - Perkhidmatan Kumpulan Wang Amanah Berpendapatan Rendah (SAOR)
 - Lesen Pemaju Penumahan dan Permilikan (71412)
- Polis Diraja Malaysia**
 - Pembayaran saman
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional**
 - Bayaran balik pinjaman
 - Simpanan SSPN
- Dewan Bahasa dan Pustaka**
 - Pertanyaan invoice
 - Pembelian buku
- Majlis Amanah Rakyat**
 - Pembayaran pinjaman pelajaran
- Keretapi Tanah Melayu**
 - Pembelian tiket
- Lembaga Hasil Dalam Negeri**
 - Bayaran ansuran cukai individu, pendahuluan/ansuran cukai komposi, cukai keuntungan hartanah, cukai pendapatan dan poligon cukai berjadual
- Lembaga Jurutera Malaysia**
 - Yuran pembaharuan keahlian jurutera profesional
- Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia**
 - Pembaharuan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor CDO
- Lembaga Tabung Haji**
 - Depositi wang simpanan
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia**
 - Kulipan SES (cukai untuk minyak sawit)
- Lembaga Getah Malaysia**
 - Ujian sampel
- Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan**
 - Bayaran Kompaun Penguat kuasa
- Institut Akademi Urus Haluan ahli**
 - Pembayaran yuran tahunan ahli
- Sunbanjaya Syarikat Malaysia**
 - Pendaftaran pelanggan SSM
 - Pendaftaran pemisahan perencaraan dan perkongsian
 - Pembaharuan pendaftaran perniagaan
 - Perubahan maklumat perniagaan
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja**
 - Bayaran caruman oleh majikan dan pekerja (bekerja sendiri)
- Universiti Teknologi Mara**
 - Pembayaran yuran pengajian dan bi-bil bagi pelajar dan pembekal serta skim khidmat pelajar
- Universiti Malaysia**
 - Pembayaran yuran pengajian
- Universiti Putra Malaysia**
 - Pembayaran yuran pengajian
- SUK Negeri Selangor**
 - Pembayaran cukai tanah, cukai taklinan, pinjaman pelanjaran Selangor, zakat dan tender
- Majlis Perbandaran Subang Jaya**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Perbadanan Putrajaya**
 - Pembayaran cukai pintu, kompaun, sewa rumah di Putrajaya, lesen perniagaan dan lesen iklan
- Majlis Bandaraya Shah Alam**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Majlis Perbandaran Klang**
 - Pembayaran cukai taklinan
 - Wang cagaran projek
- Majlis Perbandaran Seremban**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Majlis Perbandaran Sepang**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Majlis Daerah Kuala Langkat**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Majlis Perbandaran Nilai**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Majlis Daerah Kuala Selangor**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**
 - Pembayaran cukai pintu dan kompaun
- Majlis Perbandaran Kajang**
 - Pembayaran cukai taklinan
- Tenaga Nasional Berhad**
 - Bayaran bil
- Telekom Malaysia Berhad**
 - Bayaran bil
- Indah Water Konsortium**
 - Bayaran bil
- Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd**
 - Bayaran bil

Perkhidmatan elektronik LHDN


URUSAN membebaskan orang ramai memang merumitkan apatah lagi jika melibatkan undang-undang yang kompleks.

Ini menimbulkan perasaan kurang senang dan ketidakpercayaan hati hingga ada sesetengahnya melengah-lengahkan masa dan akhirnya terlena begitu sahaja. Bagi mengakhiri masalah demikian berlarutan, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang merupakan organisasi yang bertanggungjawab menadbir cukai di Malaysia memasuki era perkhidmatan digital dengan memperkenalkan E-Filing, E-Bayaran, E-Daftar dan E-STPH.

Merasakan bahawa keperluan pelanggan wajar dipenuhi, kesemua perkhidmatan itu boleh dicapai dengan melayari laman web LHDN di www.lasiz.org.my.

Perkhidmatan elektronik yang ditawarkan oleh LHDN

- E-Daftar**
 - Aplikasi permohonan pendaftaran fail cukai pendapatan individu untuk pembayar cukai baru mendapatkan nombor rujukan cukai.
 - Langkah-langkah permohonan:
 - Lengkapkan borang pendaftaran dalam Internet.
 - Muat naik salinan dokumen berikut bersama permohonan:
 - Kad pengenalan/polis/tentera bagi warganegara Malaysia yang tidak menjalankan pemisahan.
 - Pasport bagi bukan warganegara Malaysia yang tidak menjalankan pemisahan.
 - Kad pengenalan/polis/tentera/pasport dan sijil pendaftaran perniagaan bagi warganegara/bukan warganegara Malaysia yang menjalankan pemisahan.
 - Semak status permohonan menggunakan nombor permohonan. Contoh nombor permohonan (diberi setelah borang pendaftaran online diterima).
 - Muat naik dokumen pengesahan, sila ambil perhatian:
 - Hanya muka depan yang dengan jelas menunjukkan nama dan nombor pengenalan diperlukan.
 - Hanya fail format gif atau jpg sahaja dibenarkan dan saiz fail besar dari 40k dan tidak melebihi 60k.
 - Nama fail mestilah menggunakan Alphanumerik sahaja (a-z, A-Z dan 09).
- E-STPH**
 - Sistem Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (STPH) dibangunkan oleh LHDN untuk memperkasakan pengurusan taksiran duti setem dan mempercepatkan proses taksiran serta penilaian harta tanah.
 - Sebelum mula digunakan pada 2 Januari 2003, proses secara manual memerlukan firma guaman atau ejen mengisytiharkan Pemungut Duti Selera 15 bagi tujuan pindah milik harta tanah) dan mengahutnya ke Pejabat Duti Selera/Pusat Khidmat Hasil.
 - Borang yang lengkap, kemudiannya akan dihantar ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPJ). Bagaimanapun, permohonan secara manual ini menimbulkan masalah dan runtuhan memandangkan ia terdedah kepada risiko kehilangan.
 - Kelebihan E-STPH secara elektronik:
 - Menggunakan masa memproses dokumen penyelesaian
 - Menjimatkan kos penghantaran dan pengurusan
 - Mudah dan boleh dicapai
 - Selamat melalui nombor pengguna dan kata laluan
 - Penggunaan data dan maklumat yang sistematis
 - Carian data lebih senang dan mudah
 - Semakan status pada bila-bila masa



- E-Filing**
 - Kaedah mengisytiharkan Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik melalui Internet.
 - Empat langkah kemudahan E-Filing:
 - Login kali pertama-depatkan nombor PIN untuk daftar sijil digital
 - Log in E-Borang (EBE) dan isi
 - Tanda tangan borang secara digital dan hantar
 - Berjaya-Pengesahan penerimaan cetak/simpan

- E-Bayaran**
 - Pelaksanaan sistem ini meliputi tiga fasa bermula 2001 bagi memudahkan kalangan pembayar cukai korporat dan individu meliasis cukai mereka secara elektronik.
 - E-Bayaran boleh dijalankan secara elektronik melalui Internet menggunakan Financial Process Exchange (FPX). Kemudahan tersebut boleh dicapai melalui laman web LHDN www.lasiz.org.my, E-Filing dan bank terbit.
 - Dasar pengisytiharan LHDN bekerjasama dengan CIMB Bank dan Public Bank bersama empat bank lain.
 - Pembayar cukai boleh menggunakan kemudahan ini untuk urus pembayaran seperti bayaran cukai pendapatan individu dan syarikat, bayaran potongan cukai berjadual (PCB) dan juga cukai keuntungan harta tanah.
 - Faedah E-Bayaran kepada pembayar cukai ialah tidak membuang masa menunggu giliran di kaunter bayaran LHDN atau bank. Pembayar cukai boleh membuat bayaran pada bila-bila masa dan lokasi serta mempunyai lebih banyak pilihan untuk menyelesaikan bayaran cukai.

Perkhidmatan	Penyedia	Diskripsi
Financial Process Exchange (FPX)	LHDN	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran cukai pendapatan Bank ahli FPX: Bank Islam, CIMB Bank Berhad, Hong Leong Bank Berhad, Maybank dan Public Bank Berhad Bayaran potongan cukai berjadual (PCB) Bayaran cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) Bayaran cukai pendapatan, CKHT dan PCB Bayaran PCB
Laman Web Bank	CIMB	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran cukai pendapatan Bayaran PCB
Mesin jutwang automatik	Public Bank, RHB Bank, Maybank	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran cukai pendapatan Bayaran PCB
Kawenku Phone Banking	Public Bank, Maybank	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran cukai pendapatan Bayaran PCB
Mesin deposit tunai	Public Bank, Maybank	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran cukai pendapatan Bayaran PCB

Bayar cukai tanah lebih mudah dan pantas

BAGI mereka yang seringkali berhadapan dengan masalah hendak meliasis bayaran cukai tanah, kini tidak perlu gaez lagi kerana perkhidmatan pembayaran atas talian disediakan untuk memudahkan urusan para pelanggan.

Justeru, bermula Mac tahun ini, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengambil langkah proaktif dengan menyediakan kemudahan bayaran cukai tanah secara atas talian.

Orang ramai boleh membayar cukai mereka melalui penggunaan kad kredit Visa, Mastercard dan perkhidmatan perbankan Internet seperti FPX.

Bagi pembayaran melalui perkhidmatan perbankan Internet, pengguna yang mempunyai kemudahan perbankan Internet daripada Bank RHB, CIMB, Maybank Berhad, Public Bank Berhad, Hong Leong Bank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad dapat menggunakan kemudahan bayaran secara FPX.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyediakan garis panduan bagi bayaran atas talian seperti berikut:

- Semakan maklumat cukai tanah perlu dibuat sebelum pembayaran dapat dilaksanakan.
- Maklumat operasi perkhidmatan pembayaran melalui FPX adalah dari pukul 7 pagi hingga 11 malam setiap hari termasuk hari cuti dan kelepasan.
- Sila cetak atau simpan resit transaksi bayaran dan resit cukai tanah sebagai bukti pembayaran.
- Penyata pembayaran atas talian (resit cukai tanah) hanya boleh dipolek di Kaunter Unit Hasil Asas 1, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, dua hari selepas pembayaran dibuat.
- Sekiranya resit cukai tanah telah dietak dan ingin mengulang cetak di Kaunter Unit Hasil, bayaran sebanyak RM50 akan dikenakan bagi setiap kali cetak.
- Tiada caj tambahan dikenakan bagi kemudahan bayaran yang disediakan.

